Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 11(1): 19-31 (2003)
ISSN: 0128-7702
© Universiti Putra Malaysia Press

Ekonomi Negeri Kelantan dari Perspektif Analisis Shift-Share Wilayah

ZAKARIAH ABDUL RASHID
Jabatan Ekonomi Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia
E-mail:zar@upm.econ.edu.my

Kata kunci: Analisis shift-share wilayah, subtempoh, perindustrian, perubahan struktur nasional

ABSTRAK

Dengan menggunakan rangka kerja analisis shift-share wilayah, kajian yang merangkumi tempoh 1980-95 yang dipecahkan kepada dua subtempoh ini bertujuan untuk mengkaji prestasi ekonomi negeri Kelantan berbanding ekonomi nasional. Data KDNK Kelantan menurut sektor-sektor utamanya, dikumpul dari sumber UPE dan UPEN Kelantan dan dinyatakan dalam sebutan benar dengan menggunakan deflator KDNK. Hasil kajian mendapati bahawa lokasi negeri ini kurang menarik pelabur, kemajuan perindustrian nasional membantu memajukan perindustrian Kelantan, dan kelebihannya dalam sektor utama juga terjejas oleh arus perubahan struktur nasional. Kajian ini mengemukakan beberapa cadangan dasar untuk memajukan negeri ini.

ABSTRACT

Using regional shift-share analysis the present study, covering the overall period of 1980-95 which is subdivided into two sub-periods, aims at analysing the performance of Kelantan's economy vis-a-vis national economy. The state GDP data according to its major sectors are collected from EPU and the state EPU which is expressed in its real value by using GDP deflator. The results show that to investors the state is unattractive locationally, good performance of national industrialisation stimulates that of the state, and its advantage in primary sector is erroded because of structural change at the national level. The study offers few policy recommendations.

PENGENALAN

Objektif pembangunan wilayah di Malaysia bertujuan untuk mengimbangi pembangunan antara wilayah-wilayah. Kelantan yang terletak di wilayah timur Semenanjung Malaysia, merupakan sebuah negeri yang paling rendah pendapatan per kapitanya. Tujuan utama kertas kajian ini ialah menerangkan pembangunan ekonomi negeri Kelantan berbanding ekonomi Malaysia dan menghuraikan faktor-faktor yang menyebabkan keadaan tersebut.

Dalam tahun 1995, sektor pertanian Kelantan mengeluarkan output sebanyak RM689 juta[1] dan merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK negeri tersebut. Output sektor ini terus meningkat tahun demi tahun sejak tahun 1980[2] lagi tetapi dengan sumbangan kepada KDNK negeri yang semakin berkurangan. Sektor-sektor lain yang menunjukkan peningkatan sumbangan kepada KDNK Kelantan terdiri daripada sektor perkilangan dan sektor perdagangan.

Pergantungan yang kuat kepada sektor pertanian khususnya dan sektor utama amnya berlaku terutamanya di peringkat awal tempoh kajian. Dalam tahun 1980, sektor utama[3] menyumbang hampir satu perdua (43%) kepada KDNK negeri. Dalam tempoh 1980-95, kajian ini mendapati, ekonomi Kelantan telah mengalami proses kepelbagaian kegiatan. Dalam akhir

---

[1] Kajian ini menggunakan Indeks Harga Pengeluar sebagai deflator yang diasaskan kepada tahun 1970.
[2] Tempoh kajian ialah antara 1980-95, ditentukan oleh kedapatan data.
[3] Definisi sektor-sektor menurut seperti yang digunakan oleh Rancangan Lima Tahun Malaysia, Unit Perancang Ekonomi, Malaysia.

tempoh kajian, tahun 1995, sumbangan sektor utama telah merosot kepada 20%. Proses kepelbagaian kegiatan ini dapat dikesan melalui perubahan struktur ekonomi negeri seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 1.

Walau kepelbagaian kegiatan berlaku, dalam tahun 1995, sektor pertanian masih lagi menjadi penyumbang terbesar kepada KDNK. Berbanding dengan sumbangan sektor ini di peringkat nasional, Kelantan didapati masih kuat bergantung kepada kegiatan pertanian. Perkembangan sektor perkilangan pula menampakkan trend yang menggalakkan, menyumbang 16% pada tahun tersebut. Sumbangan sektor-sektor lain adalah seperti berikut: sektor perdagangan (14.1%), pengangkutan (9.7%), kewangan (7.2%) dan pembinaan (4.1%). Sektor perkhidmatan kerajaan pula memberikan sumbangan yang agak besar iaitu 23.2% manakala sektor perlombongan menyumbang hanya 0.2%.

Kertas kajian ini diatur sedemikian: Bahagian II menghuraikan ciri-ciri asas ekonomi Kelantan dari segi tahap kepelbagaian, pertumbuhan tahunan, pendapatan per kapita dan produktiviti buruh. Bahagian III menghuraikan rangka kerja teoretikal model shift-share wilayah yang akan digunakan dalam kajian ini dan pengumpulan data. Bahagian IV membincangkan hasil penemuan model tersebut disusuli dengan Bahagian V menyimpulkan perbincangan kertas kajian ini.

CIRI ASAS EKONOMI KELANTAN

Pemusatan Kegiatan Ekonomi Negeri-Negeri Terpilih

Jadual 2 membandingkan tahap kepelbagaian kegiatan ekonomi dengan menggunakan indeks pemusatan kegiatan Gini-Hirschman[4] bagi negeri-negeri terpilih. Indeks ini mengukur sejauh manakah kegiatan ekonomi sesebuah negeri terpusat kepada sebilangan kecil kegiatan atau

JADUAL 1
Struktur ekonomi Kelantan 1980-2000, (%)

Sektor	1980	1985	1990	1995	2000*
Pertanian	42.2	38.2	30.9	25.2	20.8
Perlombongan	0.8	0.8	0.8	0.6	0.4
Perkilangan	6.4	7.7	14.5	15.9	17.7
Pembinaan	4.5	4.9	3.6	4.1	4.4
Pengangkutan	8.6	8.7	9.0	9.7	10.6
Perdagangan	6.8	6.7	11.8	14.1	16.7
Kewangan	10.4	10.5	6.8	7.2	7.4
Perkhidmatan Kerajaan	20.3	22.6	22.6	23.2	22.0
Jumlah	100	100	100	100	100

Sumber: Dikira dari Jadual Apendiks dan data UPEN

JADUAL 2
Indeks pemusatan Gini-Hirschman

	1980	1985	1986	1988
Johor	0.4538	0.4170	0.4490	0.4535
Sarawak	0.4172	0.4281	0.4530	0.4373
Kelantan	0.4933	0.4698	0.4364	0.4334
Terengganu	0.5241	0.5241	0.6387	0.6367
Pahang	0.5049	0.4999	0.4889	0.4882
Malaysia	0.3871	0.3725	0.3782	0.3884

Sumber: Dikira dari data Rancangan Malaysia Lima Tahun, pelbagai tahun
Unit Perancang Ekonomi (EPU)

[4] Rumus Indeks Gini-Hirschman yang digunakan adalah seperti berikut: $\sqrt{[\sum(X_i/X)^2]}$

tersebar kepada pelbagai kegiatan. Dalam tempoh lima belas tahun 1980-95, indeks bagi negeri Kelantan menjadi semakin mengecil, tetapi lebih tinggi berbanding indeks nasional. Ini menunjukkan tahap kepelbagaian ekonomi Kelantan, walaupun semakin diperbaiki tetapi masih jauh daripada memuaskan dibandingkan dengan yang berlaku di negeri-negeri lain. Indeks Gini Kelantan pada tahun 1988 dibanding dengan indeks Gini Malaysia pada tahun 1980, menunjukkan tahap kepelbagaian ekonomi Kelantan pada tahun 1988 sama dengan tahap kepelbagaian ekonomi nasional pada lapan tahun sebelumnya. Berbanding dengan Johor dan Sarawak, tahap kepelbagaian ekonomi Kelantan terlalu jauh daripada memuaskan.

Kadar Pertumbuhan

Kelantan mengalami pertumbuhan ekonomi tahunan yang sederhana (Jadual 3). Dalam tempoh 1980-85, kadar pertumbuhan tahunan KDNKnya ialah 5.96%, kemudian merosot kepada 2.54% dalam tempoh 1985-90, dan meningkat kembali kepada 6.2% dalam tempoh

JADUAL 3
Kadar pertumbuhan tahunan, (%)

Tempoh	Kelantan	Malaysia
1980 – 1985	5.96	5.83
1985 – 1990	2.54	5.98
1990 – 1995	6.20	8.69
1980 – 1995	4.89	6.82
1996 – 2000	6.6	8.0
1991 – 2000	6.4	8.3

Sumber: Dikira dari Jadual 1

1990-95. Purata kadar pertumbuhan bagi tempoh 1980-95 adalah 4.8%. Kecuali dalam tempoh 1980-85, kedua-dua tempoh lima tahun yang lain, kadar pertumbuhan Kelantan adalah lebih rendah berbanding kadar yang dinikmati oleh ekonomi nasional.

Berdasarkan data KDNK tahunan yang dapat diperoleh, tempoh 1985-90 menyaksikan terdapat satu ketika yang menunjukkan KDNK negeri Kelantan mengecut, iaitu pada tahun 1986. Ini selaras dengan apa yang berlaku dalam ekonomi nasional yang juga mengecut kerana tekanan resesi negara-negara maju. Dalam tempoh 15 tahun antara 1980-95. KDNK Kelantan meningkat menjadi dua kali ganda, sedangkan ekonomi nasional menikmati pembesaran sebanyak 2.6 kali ganda.

Dalam tahun 1995, dengan menyumbang 2.3% kepada KDNK nasional, Kelantan menduduki tangga kedua terkebawah selepas Perlis. Perbandingan tanpa mengambil kira saiz penduduk seperti ini, walau bagaimanapun, adalah kurang tepat. Dengan mengambil KDNK per kapita negeri ini yang berjumlah RM1727, kajian ini mendapati Kelantan berada di anak tangga yang terkebawah sekali. Saiz pendapatan per kapita Kelantan adalah lebih kurang satu pertiga daripada saiz KDNK per kapita nasional yang berjumlah RM5815.4. Ini menunjukkan dengan pertumbuhan ekonomi yang perlahan tetapi pertumbuhan penduduk yang lebih pantas, ekonomi Kelantan telah tercicir dalam arus pembangunan ekonomi nasional.

Produktiviti Buruh

Produktiviti (output setiap orang pekerja) Kelantan didapati jauh ketinggalan ke belakang berbanding produktiviti nasional. Pada tahun 1980 Kelantan mempunyai indeks produktiviti buruh 4.57 sedangkan ekonomi nasional mempunyai 9.03. Walaupun Kelantan telah memperbaiki taraf produktivitinya, meningkat kepada 5.17 pada tahun 1990, kajian ini mendapati produktiviti nasional meningkat dengan kadar yang lebih pantas lagi, yakni kepada 13.27. Ini menjadikan jurang produktiviti Kelantan-Malaysia semakin melebar. Jika dalam tahun 1980, produktiviti Kelantan menyamai 0.5 produktiviti Malaysia, dalam tahun 1990 ia telah merosot menjadi 0.38. Gambaran produktiviti Kelantan-Malaysia bagi sektor-sektor ekonomi ditunjukkan dalam Jadual 4.

JADUAL 4
Produktiviti buruh Kelantan dan Malaysia 1980-2000

Tahun	Kelantan	Malaysia
1980	4.57	9.03
1990	5.18	11.27
1995	5.78	14.78
2000	6.70	18.94

Mengapakah keadaan seperti ini berlaku? Banyak faktor yang menyumbang kepada masalah ini. Kajian ini akan mengemukakan faktor-faktor yang dapat diterangkan dari perspektif analisis shift-share wilayah sahaja.

ANALISIS WILAYAH – SHIFT-SHARE

Negeri Kelantan jauh tercicir dalam arus pembangunan ekonomi nasional. Ia berlaku mungkin kerana barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh negeri ini tidak berupaya merangsang pertumbuhan yang pantas, faktor yang dikategorikan sebagai "kesilapan" product-mix. Mungkin juga operasi pengeluaran di negeri ini kurang berdaya saing, faktor yang dikategorikan sebagai kelemahan daya saing. Jika kita menganggap bahawa kedua-dua perkara ini benar, penyelesaian logikal ialah menukar *product-mix* berdasarkan kepada sesuatu kriteria tertentu dan meningkatkan kecekapan operasi pengeluaran dengan menggunakan teknik pengeluaran yang lebih sesuai. Oleh kerana Kelantan merupakan sebuah negeri di dalam persekutuan Malaysia, kita merasakan kajian yang membandingkan prestasi ekonomi negeri ini dengan ekonomi nasional menggunakan analisis shift-share amat sesuai.

Buat pertama kali diperkenalkan oleh Dunn (1960)[5], teknik ini kemudian digunakan oleh Perloff (1960) yang mengkaji data-data guna tenaga dan pekerjaan. Brown (1969), Franklin dan Hughes (1973), Stevens dan Moore (1980), Andrikopoulos, Brox dan Carvalho (1990) telah menggunakan teknik yang sama untuk mengkaji data-data guna tenaga dan nilai-tambah wilayah, menghuraikan jurang perbezaan pertumbuhan antara wilayah. Franklin dan Hughes (1973) dan Stevens dan Moore (1980) telah menggunakan teknik ini untuk membuat unjuran dengan menggunakan data tahunan dua digit industri yang diambil dari Biro Statistik Buruh Amerika Syarikat. Dengan menggunakan teknik yang sama, Brown (1969) menggabungkan teknik ini dengan teknik ekonometrik untuk mengunjurkan guna tenaga. Beliau mengira koefisien ketaksamaan Theil untuk menentukan aras kecekapan ramalannya. Beliau mendapati model *super ingrown* adalah efisien. Wee dan Wong (1987) menggunakan kaedah ini untuk mengenal pasti alternatif pasaran eksport.

Model Shift-Share

Teknik ini merupakan salah satu daripada teknik-teknik yang amat popular dalam kajian wilayah. Kelebihan teknik ini kerana dua sebab: (1) Teknik ini mudah digunakan dan bergantung kepada data yang mudah diperoleh, menjadikan kajian ini cepat dilaksanakan dengan ketepatan yang boleh diterima. (2) Teknik ini belum lagi menerima kritikan dalam kajian empirik sehingga dapat menimbulkan kesangsian di kalangan pengamal. Oleh kerana teknik ini tidak mempunyai kelemahan yang serius, pengamal terus menggunakan teknik ini kerana kebaikan-kebaikan yang dinyatakan di atas.

Teknik ini akan memilih sebuah wilayah lain sebagai standard perbandingan. Perubahan struktur Kelantan akan dibandingkan dengan perubahan struktur wilayah standard ini. Dalam kajian ini wilayah standard yang dimaksudkan ialah ekonomi nasional. Kaedah ini dapat juga membandingkan prestasi subsektor-subsektor di dalam kedua-dua wilayah, mengenal pasti subsektor-subsektor di Kelantan yang tumbuh lebih pantas dan yang berkembang lebih perlahan, berbanding yang dialami oleh ekonomi nasional. Maklumat sedemikian sangat berguna dalam menerangkan perubahan struktur ekonomi Kelantan, yang mencorakkan senario pertumbuhan yang ada sekarang ini.

Kaedah ini memisahkan faktor-faktor yang menghasilkan perubahan dalam KDNK wilayah dengan mengenal pasti komponen-komponen perubahan tersebut. Hasil kajian ini akan dapat menerangkan dua peringkat maklumat, iaitu perihal pertumbuhan dan kemerosotan (a) sesebuah wilayah dalam ekonomi nasional dan (b) sesebuah industri dalam sesebuah wilayah. Komponen 'peralihan wilayah' menerangkan prestasi relatif wilayah tersebut dalam sesebuah industri. Peralihan wilayah (regional shift) berangka positif bermakna industri berkenaan menikmati kelebihan berbanding lokasi (locational comparative advantage) bagi wilayah tersebut dan sebaliknya pula bagi peralihan wilayah berangka negatif.

---

[5] Beliau membentangkan hasil kajiannya di dalam satu mesyuarat Sains Wilayah di Amerika Syarikat, memperkenalkan kaedah ini untuk mengkaji secara sistematik data ekonomi wilayah.

Setiap komponen dalam persamaan peralihan (shift) menyediakan paras terjangka bagi output pada akhir tempoh, setiap paras output terhasil daripada kuasa-kuasa yang menghasilkan pertumbuhan atau kemerosotan sesebuah industri dalam wilayah tersebut dalam tempoh berkenaan. Jumlah paras terjangka dalam output ini merupakan jumlah output dalam sesebuah sektor pada penghujung tempoh.

Komponen-komponen dalam analisis shift-share ini dapat diterangkan seperti di dalam persamaan-persamaan berikut:

Share Nasional (National Share):

$$NS_i = q_i^0(Q^1/Q^0) \quad (1)$$

Industri-Mix (Industry Mix):

$$IM_I = q_i^0(Q_i^1/Q_i^0 - Q^1/Q^0) \quad (2)$$

Peralihan Wilayah (Regional Shift):

$$RS_i = q_i^0(q_i^1/q_i^0 - Q_i^1/Q_i^0) \quad (3)$$

q_i dan Q_i masing-masing menunjukkan output wilayah dan output nasional dalam sektor *i*; q dan Q adalah jumlah output wilayah dan nasional dalam semua sektor; dan *0* dan *1* merupakan tahun permulaan dan akhiran tempoh yang dikaji. Maka, secara definisi output sektor *i* mempunyai kaitan seperti dalam persamaan (4).

$$q_i = NS_i + IM_i + RS_I \quad (4)$$

Share wilayah atau *Regional share* dalam sektor *i* (atau regional proportion) ditakrifkan seperti dalam persamaan (5):

$$RP_i = q_i^0(Q_i^1/Q_i^0) = NS_i + IM_i \quad (5)$$

Sebutan yang terakhir ini menerangkan jumlah output terjangka dalam industri *i* dalam wilayah tersebut jika industri tersebut dapat berkembang di wilayah tersebut pada kadar yang sama dengan kadar yang dialami di peringkat nasional.

Data

Dalam melaksanakan kajian ini, kita memilih beberapa tempoh selang masa. Pemilihan selang masa ini begantung kepada data yang dapat kita peroleh dan pada tempoh masa yang kita fikirkan wajar dalam mengkaji kesan industri mix dan kesan peralihan wilayah. Selang masa kajian ini adalah seperti berikut: 1980-85, 1985-90, 1990-95 dan 1980-95.

Tahun asas bermakna tahun awalan, misalnya bagi selang masa 1980-85, tahun asas ialah tahun 1980 manakala bagi selang-masa 1985-90, 1990-95 dan 1980-95, tahun asas masing-masing ialah 1985, 1990 dan 1980. Subsektor *i* mewakili subsektor yang dikaji seperti subsektor Pertanian, Perlombongan, Perkilangan dan sebagainya.

Kajian ini menggunakan data-data KDNK (pada harga tetap 1978) Kelantan dan Malaysia seperti yang diterbitkan dalam pelbagai terbitan Rancangan Malaysia dan Kajian Semula Rancangan Malaysia. Data terkini KDNK ialah bagi tahun 1995 dan bagi kedua-dua ekonomi tersebut diperoleh dari sumber yang tidak diterbitkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Data-data tersebut adalah seperti yang terlampir di bahagian Apendiks.

HASIL KAJIAN

Kajian ini mendapati bahawa dalam tempoh keseluruhan, 1980-95, Kelantan telah mengalami kesan peralihan wilayah yang negatif (Jadual 5 – Jadual 8), menunjukkan negeri ini memiliki kelemahan wilayah, berlaku dalam semua subtempoh kecuali subtempoh 1980-85. Nilai *RS* bagi subtempoh-subtempoh 1985-90, 1990-95 dan tempoh keseluruhan 1980-95 semuanya negatif dan masing-masing adalah –RM362.46 juta, –RM3356.26 juta dan –RM862.55 juta; manakala bagi subtempoh 1980-85 adalah positif, iaitu RM11.07 juta. Ini menunjukkan kelebihan wilayah yang dimiliki oleh negeri ini pada peringkat awal telah bertukar menjadi kelemahan pula pada peringkat akhir tempoh kajian.

Dalam tempoh keseluruhan ini juga, kajian ini mendapati nilai *regional proportion* (RP) lebih besar daripada nilai output pada tahun akhiran. Nilai *RP* (RM3598.55 juta) ini adalah nilai yang dicapai jika jumlah output terjangka di Kelantan berkembang pada kadar yang sama dengan kadar yang dialami di peringkat nasional. Ini menunjukkan pertumbuhan ekonomi Kelantan bergantung sepenuhnya kepada pertumbuhan nasional, sedangkan pengaruh wilayah menyumbang secara negatif. Akibat perkembangan ini,

JADUAL 5
Hasil analisis shift-share Kelantan-Malaysia, 1980-85 (RM juta - mengikut harga tahun 1978)

	1980-85				
	RP	RS	NS	NS*	IM
Pertanian	666.79	16.21	748.71	184.71	-81.92
Perlombongan	14.72	0.28	14.60	3.60	0.12
Perkilangan	109.35	27.65	114.17	28.17	-4.82
Pembinaan	88.52	-1.52	79.65	19.65	8.87
Pengangkutan	177.35	-22.35	152.66	37.66	24.68
Perdagangan	127.65	-8.65	120.80	29.80	6.85
Kewangan	196.49	-9.49	184.52	45.52	11.97
Perkhidmatan Kerajaan	321.06	81.94	359.75	88.75	-38.69
JUMLAH	1774.93	11.07	1774.87	437.87	0.06

Sumber: Dikira dari model shift-share

JADUAL 6
Hasil analisis shift-share Kelantan-Malaysia, 1985-90 (RM juta - mengikut harga tahun 1978)

	1985-90				
	RP	RS	NS	NS*	IM
Pertanian	840.68	-214.68	912.97	229.97	-72.29
Perlombongan	19.37	-3.37	20.05	5.05	-0.68
Perkilangan	257.43	36.57	183.13	46.13	74.30
Pembinaan	80.83	-7.83	116.29	29.29	-35.46
Pengangkutan	226.79	-44.79	207.19	52.19	19.60
Perdagangan	138.78	100.22	159.07	40.07	-20.29
Kewangan	278.35	-140.35	249.96	62.96	28.38
Perkhidmatan Kerajaan	388.53	68.47	538.69	135.69	-150.16
JUMLAH	2387.46	-362.46	2387.35	601.35	0.12

Sumber: Dikira dari model shift-share

JADUAL 7
Hasil analisis shift-share Kelantan-Malaysia, 1990-95 (RM juta - mengikut harga tahun 1978)

	1990-95				
	RP	RS	NS	NS*	IM
Pertanian	692.67	-3.67	949.39	323.39	-256.73
Perlombongan	18.44	-1.44	24.27	8.27	-5.83
Perkilangan	548.67	-113.67	445.88	151.88	102.79
Pembinaan	136.02	-24.02	110.71	37.71	25.31
Pengangkutan	301.30	-36.30	276.02	94.02	25.28
Perdagangan	395.38	-9.38	362.47	123.47	32.92
Kewangan	229.18	-32.18	209.29	71.29	19.89
Perkhidmatan Kerajaan	549.05	85.95	693.09	236.09	-144.04
JUMLAH	3071.26	-335.26	3071.12	1046.12	0.14

Sumber: Dikira dari model shift-share

JADUAL 8
Hasil analisis shift-share Kelantan-Malaysia, 1980-95 (RM juta - mengikut harga tahun 1978)

	1980-95				
	RP	RS	NS	NS*	IM
Pertanian	908.13	-219.13	1518.01	954.01	-609.87
Perlombongan	21.91	-4.91	29.61	18.61	-7.69
Perkilangan	383.45	51.55	231.47	145.47	151.98
Pembinaan	153.25	-41.25	161.49	101.49	-8.24
Pengangkutan	429.58	-164.58	309.52	194.52	120.06
Perdagangan	246.27	139.73	244.93	153.93	1.35
Kewangan	485.73	-288.73	374.12	235.12	111.61
Perkhidmatan Kerajaan	371.89	263.11	729.40	458.40	-357.51
JUMLAH	3598.55	-862.55	3598.54	2261.54	0.02

Sumber: Dikira dari model shift-share

negeri Kelantan telah kehilangan share wilayahnya sebanyak hampir 32%[6]. Jika negeri Kelantan dapat mengekalkan tahap persaingan wilayahnya, nilai output negeri ini pada tahun 1995 boleh mencapai hampir RM3600 juta (Jadual 8). Kajian ini mendapati bahawa peralihan wilayah yang positif dalam subtempoh 1980-85 pula tersangat kecil, iaitu lebih kurang 0.6% daripada output tahun 1985.

Analisis Setiap Komponen

Daya saing Kelantan sebagai sebuah wilayah dalam ekonomi nasional dapat diukur dengan komponen *RS*. Lajur ini menunjukkan peralihan wilayah, sama ada Kelantan mempunyai kelebihan wilayah (nilai positif) atau kelemahan wilayah (nilai negatif) berbanding ekonomi nasional. Ini dilakukan dengan membandingkan kadar pertumbuhan output sesebuah sektor yang berlaku di Kelantan dengan yang berlaku di peringkat nasional. Misalnya, sektor pertanian Kelantan yang telah berkembang dengan kadar yang lebih perlahan berbanding yang berlaku di peringkat nasional telah mengakibatkan negeri ini kehilangan share wilayah sebanyak RM219 juta atau 32%[7] daripada output sebenar yang dicapainya pada tahun 1995.

Dalam tempoh keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa nilai peralihan wilayah adalah negatif dalam semua sektor, kecuali dalam sektor-sektor perkilangan, perdagangan dan perkhidmatan kerajaan; menandakan, kecuali tiga sektor yang dinyatakan ini, semua sektor di Kelantan mengalami kemerosotan share wilayahnya. Sektor yang mengalami kehilangan share wilayah yang terbesar ialah sektor kewangan (-146%) manakala sektor yang menikmati kelebihan terbesar dalam share wilayah ialah sektor perdagangan (+59%). Sektor pertanian juga mengalami kemerosotan share wilayah (-32%) sedangkan kelebihan share wilayah dalam sektor perkilangan adalah kecil (12%).

Subtempoh 1980-85 merupakan tempoh yang menunjukkan Kelantan mempunyai daya saing wilayah, *RS*-keseluruhannya positif dengan bilangan terbanyak sektor yang kompetitif. Subtempoh 1985-90 pula merupakan tempoh yang paling tidak kompetitif bukan dari segi bilangan sektor yang didapati tidak kompetitif tetapi dari segi nilai output yang hilang, terutamanya dalam sektor pertanian. Dalam subtempoh tersebut, nilai output yang hilang kerana ketumpulan daya saing wilayah lebih kurang 18% daripada output 1990, sektor pertanian sahaja kehilangan 34% daripada output pertanian 1990. Subtempoh 1990-95 boleh dikatakan tidak menunjukkan perubahan yang lebih baik daripada subtempoh sebelumnya, kehilangan output keseluruhan ialah 12%, tetapi sektor pertanian telah berjaya mengurangkan kelemahannya dengan merekodkan kehilangan output sebanyak 0.6%.

Nilai output Kelantan pada tahun 1995, jika negeri tersebut dapat mengekalkan share

[6] Kehilangan share wilayah dikira seperti berikut: $(RS_i)/q_r$ dan dikira daripada data dalam Jadual 5 – Jadual 8 dan Jadual Apendiks. Semua angka peratusan selanjutnya dikira berdasarkan kaedah ini.

[7] *op. cit.*

wilayahnya, ditunjukkan dalam lajur *RP*. Misalnya, jika sektor pertanian dapat mengekalkan share wilayahnya, outputnya pada tahun 1995 akan menjadi RM908 juta. Jika output setiap sektor di negeri Kelantan dibenarkan berkembang menyamai dengan kadar pertumbuhan KDNK nasional, *paras* nilai outputnya pada 1995 ditunjukkan seperti dalam lajur *NS*. Misalnya, jika sektor pertanian dibenarkan berkembang menyamai dengan kadar pertumbuhan KDNK nasional, nilai outputnya pada 1995 akan menjadi RM1518 juta.

Lajur *NS** pula menunjukkan *perubahan* dalam output sektoral jika ia diandaikan berkembang secepat kadar pertumbuhan KDNK nasional. Misalnya, output sektor pertanian akan meningkat sebanyak RM954 juta jika ia dibenarkan berkembang secepat kadar pertumbuhan KDNK nasional. Jika corak perubahan dalam *industry mix* (perubahan struktur) yang berlaku di peringkat nasional diandaikan berlaku di negeri Kelantan, output setiap sektor negeri ini pada tahun 1995 akan mengalami pertambahan (positif) atau pengurangan (negatif) sebanyak nilai yang terdapat dalam lajur *IM*. Misalnya, jika negeri Kelantan mengalami perubahan *industry mix* seperti yang berlaku di peringkat nasional, output pertanian negeri ini pada tahun 1995 akan berkurangan sebanyak RM610 juta. Misalnya, kelambatan pertumbuhan sektor pertanian Kelantan berbanding pertumbuhan sektor tersebut yang berlaku di peringkat nasional telah menyebabkan sektor tersebut kehilangan (share wilayah) output dan kelambatan sektor ini berkembang di peringkat nasional berbanding kadar pertumbuhan KDNK telah menyebabkan output sektor tersebut berkurangan. Kedua-dua kesan peralihan (total shift) ini telah menyebabkan output sektor pertanian berkurangan sebanyak RM829 juta dalam tempoh tersebut.

Analisis Sektor Pertanian dan Perkilangan

Sektor Pertanian

Output sektor pertanian telah berkembang daripada RM564 juta dalam tahun 1980 kepada RM689 juta pada tahun 1995, iaitu kadar pertumbuhan tahunan 1.3%; sedangkan ekonomi nasional mengalami pertumbuhan pertanian yang lebih pantas, 3.2%. Jika negeri Kelantan dapat mengekalkan kadar pertumbuhan pertanian seperti kadar yang berlaku di peringkat nasional, output pertanian negeri tersebut boleh mencapai RM908 juta.

Kelemahan pertumbuhan sektor ini di negeri Kelantan berbanding prestasinya di peringkat nasional telah menyebabkan negeri ini kehilangan share wilayahnya sebanyak RM219 juta atau 32% daripada nilai output yang dicapainya pada tahun 1995. Kehilangan share wilayah ini berlaku terutamanya dalam sub tempoh 1985-90 (kehilangan share wilayah sebanyak RM215 juta atau 34% daripada output pertanian 1990), sedangkan dalam subtempoh sebelumnya, 1980-85, negeri ini mempunyai daya saing dalam pertanian dengan kesan wilayah yang positif. Subtempoh seterusnya, 1990-95, walaupun sektor ini masih belum mempunyai daya saing wilayah namun ia telah berupaya memperbaiki prestasinya dengan mengurangkan kehilangan share wilayahnya kepada sebanyak RM3.6 juta atau 0.6% daripada output pertanian 1995.

Bukan sahaja prestasi pertanian Kelantan lebih rendah daripada prestasi sektor ini di peringkat nasional, malah prestasi sektor ini di peringkat nasional juga adalah lebih rendah daripada prestasi ekonomi keseluruhannya. Jika sektor pertanian Kelantan dibenarkan berkembang secepat perkembangan KDNK nasional yang jauh lebih pantas itu, output pertanian Kelantan pada tahun 1995 boleh mencecah *paras* RM1518 juta, iaitu *pertambahan* sebanyak RM954 juta. Kehilangan output kerana kadar pertumbuhan pertanian Kelantan yang lebih rendah dengan kadar pertumbuhan KDNK berlaku dalam semua subtempoh.

Kadar pertumbuhan yang berbeza di antara sektor-sektor telah menghasilkan perubahan *industry mix* atau perubahan struktur. Dengan mengandaikan Kelantan mengalami perubahan *industry mix* yang serupa dengan yang telah berlaku di peringkat nasional, output pertanian akan berkurangan sebanyak RM610 juta. Perubahan *industry mix* yang tidak menyebelahi pertanian yang paling besar telah berlaku pada subtempoh 1990-95, dan ini telah mengurangkan output pertanian Kelantan sebanyak RM256 juta.

Dalam tempoh 1980-95, jumlah output pertanian gagal berkembang sebanyak RM829 juta kerana kesan negatif kedua-dua komponen: komponen *peralihan wilayah* (output pertanian di Kelantan kurang daya saing) dan komponen *industry mix* atau peralihan struktur (output pertanian di peringkat nasional berkembang

lebih perlahan daripada pertum-buhan KDNK nasional). Fenomena ini amat ketara sekali dalam dua subtempoh yang terakhir, iaitu 1985-90 dan 1990-95. Jika dalam subtempoh 1985-90 kesan peralihan wilayah mengatasi kesan *industry mix*, dalam sub-tempoh 1990-95 pula sebaliknya berlaku, kesan *industry mix* mengatasi kesan peralihan wilayah, dalam menggagalkan perkembangan output pertanian. Implikasi dari perkembangan ini ialah jika dalam subtempoh 1985-90 kegagalan output pertanian Kelantan lebih berpunca daripada kurangnya daya saing negeri ini dalam pertanian; dalam subtempoh seterusnya ia lebih berpunca daripada perubahan struktur yang deras di peringkat nasional yang tidak menyebelahi sektor pertanian. Dalam subtempoh awal pula, 1980-85, kajian ini mendapati bahawa kelebihan daya saing pertanian Kelantan adalah terlalu kecil sehinggakan perubahan struktur yang berlaku di peringkat nasional dapat membatalkan kelebihan ini.

Sektor Perkilangan

Output sektor perkilangan telah berkembang daripada RM86 juta dalam tahun 1980 kepada RM435 juta pada tahun 1995, iaitu kadar pertumbuhan tahunan 11.43%; sedangkan ekonomi nasional mengalami pertumbuhan perkilangan yang perlahan sedikit, 10.5%. Jika negeri Kelantan mengekalkan kadar pertumbuhan perkilangan seperti kadar yang berlaku di peringkat nasional, output perkilangan negeri tersebut mencapai RM383 juta.

Kelebihan pertumbuhan sektor ini di negeri Kelantan berbanding prestasinya di peringkat nasional telah menyebabkan negeri ini meningkatkan share wilayahnya sebanyak RM52 juta atau 12% daripada nilai output yang dicapainya pada tahun 1995. Peningkatan share wilayah ini berlaku hanya dalam dua subtempoh yang awal sahaja, sedangkan subtempoh yang terakhir ia telah bertukar menjadi kelemahan wilayah. Dalam subtempoh 1980-85 kelebihan peralihan wilayah adalah sebanyak RM27 juta atau 19% daripada output perkilangan 1985, manakala dalam subtempoh 1985-90, sebanyak RM36 juta atau 12% daripada output perkilangan 1990. Subtempoh seterusnya, 1990-95, sektor ini telah kehilangan daya saing wilayahnya dengan kesan peralihan wilayah yang negatif –RM113 juta atau 26% daripada output perkilangan 1995.

Bukan sahaja prestasi perkilangan Kelantan lebih baik daripada prestasi sektor ini di peringkat nasional, malah prestasi sektor ini di peringkat nasional juga adalah lebih baik daripada prestasi ekonomi keseluruhannya. Jika sektor perkilangan Kelantan dibenarkan berkembang secepat perkembangan KDNK nasional yang sedikit perlahan itu, output perkilangan Kelantan pada tahun 1995 boleh mencecah *paras* RM231juta, iaitu *pengurangan* sebanyak RM214 juta. Kelebihan output kerana kadar pertumbuhan perkilangan Kelantan yang lebih tinggi dengan kadar pertumbuhan KDNK berlaku dalam dua subtempoh yang terakhir.

Kadar pertumbuhan yang berbeza di antara sektor-sektor telah menghasilkan perubahan *industry mix* atau perubahan struktur. Dengan mengandaikan Kelantan mengalami perubahan *industry mix* yang serupa dengan yang telah berlaku di peringkat nasional, output perkilangan akan meningkat sebanyak RM152 juta. Perubahan *industry mix* yang menyebelahi perkilangan telah berlaku pada subtempoh 1990-95, dan ini telah menyebabkan output perkilangan meningkat sebanyak RM102 juta.

Dalam tempoh 1980-95, peningkatan output perkilangan RM203 juta lebih disebabkan oleh kesan positif *industry mix* atau peralihan struktur (output perkilangan di peringkat nasional berkembang lebih perlahan daripada pertum-buhan KDNK nasional) berbanding kesan positif *peralihan wilayah* (output perkilangan di Kelantan lebih berdaya saing). Iaitu, tiga perempat daripada peningkatan output perkilangan di Kelantan disebabkan oleh perubahan struktur di peringkat nasional manakala kelebihan wilayah menyumbangkan bakinya. Analisis kedua-dua komponen ini menurut subtempoh mempamer hasil yang menarik: subtempoh 1980-85 menyaksikan Kelantan sebagai lokasi perkilangan yang menarik sehingga dapat mengatasi kesan negatif perubahan struktur di peringkat nasional, subtempoh 1985-90 pula telah menawarkan perkembangan yang paling baik apabila pengekalan daya saing lokasi diperkukuh dengan perubahan struktur yang sihat di peringkat nasional, dan akhir sekali subtempoh 1990-95 menyaksikan daya saing lokasi Kelantan begitu teruk menurun sehingga membatalkan perubahan struktur positif di peringkat nasional. Apa yang dapat dirumuskan dari perkembangan ini ialah dalam tempoh 15 tahun ini sedangkan perubahan struktur yang berlaku di peringkat nasional sangat menggalakkan kegiatan

perkilangan keadaan yang sebaliknya pula berlaku di peringkat negeri dengan negeri ini menyaksikan kehilangan daya saing lokasinya.

RUMUSAN DAN DASAR

Analisis shift-share yang kita bincangkan di bahagian yang lalu mengkaji sama ada Kelantan mempunyai kelebihan lokasi atau kelemahan lokasi dalam proses pertumbuhan ekonominya bagi tempoh 1980-95. Penentuan sama ada negeri ini mempunyai kelebihan atau kelemahan lokasi dibuat dengan membandingkan Kelantan dengan ekonomi nasional. Maka sebagai kajian perbandingan, apabila kajian ini mendapati Kelantan mempunyai kelemahan lokasi bukanlah bermakna kelemahan lokasi secara mutlak tetapi secara bandingan. Kelemahan lokasi ini, antara lain disebabkan oleh faktor-faktor berikut:-

(1) Kelantan mempunyai kemudahan infrastruktur yang sangat terbatas. Negeri ini tidak mempunyai pelabuhan. Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Kemaman telah disediakan bagi memberi khidmat kepada pedagang-pedagang yang beroperasi di koridor pantai timur. Begitupun, kedua-dua pelabuhan ini merupakan pelabuhan yang khusus dan tidak mampu mengendalikan komoditi-komoditi tertentu. Hanya baru-baru ini sahaja Kelantan disediakan dengan pelabuhan darat di Kuala Krai untuk menyokong kegiatan pengeksportan melalui laluan kereta api. Misalnya, pengimportan dan pengeksportan bahan-bahan tekstil dari kilang di Pengkalan Chepa terpaksa menggunakan perkidmatan pengangkutan darat jalan raya untuk dibawa ke pelabuhan Pulau Pinang.

(2) Kelantan tidak mempunyai jaringan jalan raya yang mencukupi, walaupun ia merupakan satu-satunya model pengangkutan yang terpenting kepada nadi pembangunan ekonomi negeri ini. Jalan raya di kawasan estet perindustrian Pengkalan Chepa tidak disenggara dengan baik dan tidak mempunyai lampu jalan. Ini menjadikan estet perindustrian negeri ini kurang menarik. Kekurangan kemudahan ini telah meningkatkan kos pengilangan. Pengilang di Kelantan mengakui bahawa kelebihan kos buruh yang murah tidak dapat dinikmati sepenuhnya kerana kos pengangkutan yang terlalu tinggi boleh mengakibatkan kesan bersih dari kedua-dua elemen kos ini tidak memihak kepada Kelantan sebagai lokasi yang menarik.

(3) Tambahan pula, Kelantan tidak mempunyai perkhidmatan pengendalian kargo udara. Kebanyakan pengendalian kargo dilakukan melalui jalan raya. Oleh kerana tiada kemudahan pelabuhan dan kemudahan kargo udara, negeri ini tidak memenuhi syarat untuk membina estet perindustrian perdagangan bebas cukai (*free trade zone*, FTZ). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kilang di Pengkalan Cepa yang diberikan status Pengilang Berlesen (*Licensed Manufacturing Warehouses*, LMW) yang membebaskan mereka dari cukai import dan eksport terhadap bahan dan barangan yang diperdagangkan.

(4) Bekalan air yang cukup dengan kualiti yang boleh diterima oleh para pengilang merupakan prasyarat kepada sesebuah program perindustrian. Kilang-kilang yang bergantung kepada air, seperti kilang makanan dan minuman, kilang kimia dan kilang tekstil, misalnya, sangat sensitif kepada kemudahan ini. Kilang tekstil dyeing, misalnya, memerlukan kualiti air yang tinggi untuk mendapatkan warna celupan yang diingini. Kilang minuman ringan di Pengkalan Chepa yang sepatutnya boleh mengilang air minuman, kini terpaksa berpuas hati dengan melakukan kegiatan sebagai stokis sahaja. Ini berlaku kerana bekalan dan kualiti air yang ada di negeri Kelantan jauh daripada memuaskan.

(5) Kelantan mempunyai simpanan gas asli yang banyak di pesisir pantainya. Gas asli mempunyai potensi nilai komersil yang amat berharga dan merupakan hanya satu-satunya jalan pintas dan harapan yang ada untuk mengubah landskap ekonomi negeri ini. Oleh kerana negeri ini tidak mempunyai kemudahan asas untuk menyalurkan gas tersebut ke pantai, beberapa kemudahan asas telahpun dirancang untuk menyalurkan gas asli tersebut ke Pantai Senok, yang seterusnya dapat memajukan perindustrian petrokimia khususnya dan industri-industri lain amnya di negeri ini.

(6) Industri di negeri Kelantan lebih berintensifkan buruh berbanding yang terdapat di pantai barat Semenanjung Malaysia. Dasar negara dalam peletakan industri, walaupun bersesuaian dengan matlamat perancangan nasional tetapi memberi kesan yang tidak diingini dalam perancangan wilayah. Dasar yang menempatkan industri berintensif modal di pantai barat semenanjung dan industri berintensif buruh di pantai timur semenanjung telah menetapkan syarat bahawa penempatan kilang di koridor pantai barat hanya jika nisbah

modal-buruhnya melebihi RM55,000, jika kurang daripada jumlah itu kilang akan ditempatkan di koridor pantai timur.

(7) Dasar peletakan semula industri ini boleh kita fahami – pantai barat semenanjung yang kekurangan buruh mestilah menggalakkan operasi yang berintensifkan modal dan sebaliknya pantai timur semenanjung yang mempunyai kelebihan buruh secara relatif mestilah menggalakkan operasi yang berintensifkan buruh. Kelantan yang berada di pantai timur dan yang mempunyai ramai buruh secara relatif berserta dengan harganya yang lebih murah, tentu akan menarik kegiatan perkilangan yang lebih berintensifkan buruh. Keadaan seperti ini sedang berlaku dan natijah daripadanya ialah industri negeri Kelantan secara bandingan lebih berintensifkan buruh, dan seterusnya mempunyai produktiviti buruh yang rendah. Walau bagaimanapun, dasar ini perlulah dilaksanakan dengan bijaksana agar ia tidak bercanggah dengan dasar pembangunan wilayah.

(8) Kelantan kurang dapat meyakinkan para pelabur bahawa negeri ini dapat menawarkan perkhidmatan sokongan yang cekap dan memuaskan. Kerenah birokrasi yang meyulitkan hasil daripada gangguan pentadbiran dan politik yang terdapat dalam jentera pentadbiran menjadikan banyak program yang boleh merangsang pembangunan tidak dapat dilaksanakan.

(9) Kelantan menawarkan harga tanah perindustrian yang secara bandingan lebih murah (harga tanah perindustrian di Pengkalan Chepa ialah RM4.50 sekaki persegi atau RM45 semeter persegi). Walau bagaimanapun, negeri ini sudah tidak mempunyai kawasan perindustrian yang masih kosong, namun ia masih cuba memajukan Kelantan sebagai destinasi perindustrian. Kawasan perindustrian baru telah dicadangkan, tetapi belum berhasil diwujudkan kerana kekurangan tanah milik kerajaan yang sesuai ditambah dengan birokrasi yang menyulitkan bagi mendapatkan tanah persendirian. Bakal-bakal pengilang, pada umumnya, tidak tertarik dengan lokasi kilang yang berada di luar kawasan perindustrian kerana ketiadaan infrastruktur yang bersepadu yang dicadangkan kepada mereka.

Dasar pembangunan ekonomi negeri Kelantan haruslah dinilai dalam konteks pembangunan wilayah. Dalam kaitan ini, pembanguan ekonomi negeri ini haruslah dirancang agar ia tidak tertinggal jauh dari arus perdana pembangunan ekonomi nasional dengan memastikan sumber-sumber keluaran negeri digunakan secara cekap. Untuk mencapai dasar pembangunan ini strategi-strategi yang boleh dicadangkan ialah:

(1) Mempergiat usaha memajukan sektor perkilangan selaras dengan kerancakan pembangunan perkilangan di peringkat nasional. Ini dapat dilakukan dengan mengenal pasti sektor-sektor strategik (niche) yang mempunyai rantaian yang kuat dengan sektor-sektor lain. Kajian awal mendapati kegiatan-kegiatan perkilangan berasaskan kayu dan barangan kayu, petrokimia dan barangan kimia merupakan sektor-sektor strategik. Selaras dengan dasar ini kerajaan negeri haruslah meningkatkan produktiviti buruh dengan memperbaiki tahap pendidikan dan latihan dan menggunakan teknik pengeluaran berintensifkan modal dan berteknologi tinggi.

(2) Menjadikan Kelantan sebagai satu destinasi pelaburan yang menarik. Ini dapat dilakukan dengan memperbaiki prasarana fizikal, termasuk meningkatkan taraf jalan-jalan raya, membekalkan kuantiti dan kualiti air yang boleh diterima oleh para pengilang, menaikkan taraf lapangan terbang Kota Bahru kepada taraf antarabangsa agar ia dapat mengendalikan kargo secara lebih berkesan, dan menyediakan Zon Perdagangan Bebas.

(3) Menggiatkan sektor utama dengan mengekal dan memulihkan kelebihan bandingan yang ia miliki dalam kegiatan sektor utama (primary), khususnya dalam sektor-sektor pertanian dan penternakan. Ini dapat dilakukan dengan mengamalkan teknik pengeluaran moden dan komersial dalam kedua-dua sektor tersebut. Sektor tersebut harus mengubah komposisi produk pertanian dengan mengamalkan pendekatan yang lebih komersial dan menjadikan negeri Kelantan sebagai "Jelapang Makanan" dengan menggiatkan usaha pertanian dan penternakan yang dapat menambah bekalan makanan.

(4) Meningkatkan kemudahan sosial dengan meningkatkan peruntukan perbelanjaan yang lebih besar ke arah penyediaan perkhidmatan sosial yang setanding dengan negeri-negeri lain.

Pembangunan ekonomi yang dinikmati dalam dekad-dekad yang lalu adalah hasil daripada kerjasama kerajaan-kerajaan negeri dan pusat dalam menggubal dan melaksana program-

program pembangunan. Galakan yang disediakan telah berjaya merangsang sektor swasta terlibat sama dalam memajukan ekonomi negeri. Pembangunan ekonomi negeri Kelantan pada masa akan datang haruslah berteraskan meningkatkan kerjasama yang telah sedia terjalin agar ketidakseimbangan pembangunan ekonomi negeri ini dalam pembangunan nasional dapat ditangani dengan baik.

RUJUKAN

ANDRIKOPOULOS, A., J. BROX dan E. CARVALHO. 1990. *Shift-share Analysis and the Potential for Predicting Regional Growth Patterns: Some Evidence for the Region of Quebec, Canada.* Baltimore: John Hopkins.

BENJAMIN, H. S. dan L. M. CRAIG. 1980. A critical review of the literature on shift-share as a forecasting technicques. *Journal of Regional Science* **20(4)** Nov.: 419–38.

BROWN, H. J. 1969. Shift and share projections of regional economic growth: an empirical test. *Journal of Regional Science* **12(1)**: 15-25.

FRANKLIN, J. Jr. dan Jr. HUGHES. 1973. A test of shift share analysis as a predictive device. *Journal of Regional Science* **72(1)**: 47-65.

HANNU TERVO dan PAAVO OKKO. 1983. A note on shift-share analysis as a method of estimating the employment effects of regional policy, *Journal of Regional Science* **23(1)**: 115-125.

HENRY W. HERZOG, Jr. dan J. O. RICHARD. 1977. Shift share analysis revisited: the allocation effect and the stability of regional structure. *Journal of Regional Science* **17(3)**: 441–454.

PERLOFF, H. S. et al. 1960. *Regions, Resources and Economic Growth.* Baltimore: John Hopkins.

UNIT PERANCANG EKONOMI. Rancangan Malaysia Lima Tahun dan Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Lima Tahun, Pelbagai Tahun.

UNIT PERANCANGAN EKONOMI NEGERI KELANTAN. 1997. Kelantan Socio-Economic Profile. 1997.

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA. 2000. Pelan Strategik Pembangunan Negeri Kelantan.

WEE, C. H. dan P. W. WONG. 1987. Identifying export opportunities for singapore firms through shift share analysis. *Marketing Review.*

(Diterima: 5 Januari 2001)

APENDIKS

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Kelantan dan Malaysia 1980 - 2000
(RM juta - mengikut harga tahun 1978)

	Kelantan					Malaysia				
Sektor	1980	1985	1990	1995	2000*	1980	1985	1990	1995	2020*
Pertanian	564	683	626	689	783	10189	12046	14827	16406	17664
Perlombongan	11	15	16	17	15	4487	6006	7757	8938	7949
Perkilangan	86	137	294	435	666	8932	11357	21340	39825	63589
Pembinaan	60	87	73	112	166	2066	3048	2832	5277	8302
Pengangkutan	115	155	182	265	399	3108	4793	7013	11610	18370
Perdagangan	91	119	239	386	629	5383	7551	8806	14568	21549
Kewangan	139	187	138	197	279	3687	5212	7758	12884	20136
Perkhidmatan Kerajaan	271	403	457	635	828	7876	9331	8996	10808	19077
Jumlah	1337	1786	2025	2736	3765	44702	59344	79329	120316	176635

Sumber : Rancangan Malaysia Lima Tahun, Pelbagai Tahun Unit Perancang Ekonomi (EPU)
Nota : * Anggaran oleh EPU